

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 29(2) 2013: 141-158

PENENTUAN BINGKAI BERITA KESELAMATAN AWAM DARI PENELITIAN RESPON KOGNISI DAN EKSPRESI AUDIENS

JULIA WIRZA MOHD ZAWAWI & CHANG PENG KEE
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Penggunaan media massa seperti surat khabar masih lagi dianggap berkesan kepada khalayak pada masa kini, walaupun bersaing dengan penggunaan media baru seperti internet. Laporan Media 2012 melaporkan sepanjang tahun 2012, rating penggunaan surat khabar masih lagi menyumbang kepada peratusan tertinggi berbanding bentuk media yang lain. Surat khabar juga mempunyai pengaruh yang sangat besar kepada khalayak terutamanya untuk membentuk pendapat umum dan persepsi. Justeru itu, pbingkaian dilihat sebagai salah satu indikator yang berkesan untuk membentuk persepsi mengenai realiti sosial yang berlaku dalam masyarakat, pada masa yang sama juga turut mempengaruhi kepada ekspresi, kognisi dan tingkah laku pembaca. Kajian ini mengenalpasti kesan pbingkaian kepada perubahan kognisi dan ekspresi pembaca. Kajian yang mengfokuskan kepada daya ingatan jangka pendek dan menggunakan contoh bingkai berita positif, neutral dan negatif ini mempunyai dua objektif utama. Pertamanya ialah untuk melihat kesan penentuan pbingkaian bingkai berita keselamatan awam yang berbentuk positif, negatif dan neutral terhadap perubahan kognisi pembaca. Keduanya, bagi melihat kesan penentuan pbingkaian bingkai berita keselamatan awam yang berbentuk positif, negatif dan neutral terhadap perubahan ekspresi pembaca. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kuasi eksperimen. Analisis kajian dijalankan dalam bentuk kuantitatif iaitu dengan menggunakan ujian analisis variat multivariat. Di akhir kajian ini, pendedahan akan diperolehi dengan mengetahui bentuk bingkai yang paling mempengaruhi perubahan

kognisi dan ekspresi pembaca. Selain itu, hasil kajian ini juga akan mengetahui perubahan yang berlaku antara kognisi dan ekspresi melalui pementakan dalam jangka masa pendek.

Kata Kunci: *Kognisi, ekspresi, bingkai, pementakan*

DETERMINING PUBLIC SAFETY FRAME FROM THE PERSPECTIVE OF COGNITIVE RESPONSE AND AUDIENCE EXPRESSION

Abstract

Currently, the uses of mass media such as newspapers are still considered effective to the public, despite competing with new media such as the internet. According to the media reports in 2012, rating of the usage of newspapers continued to provide the highest percentage compared to other forms of media. Newspapers also have a huge influence on the public, especially for shaping public opinion and perception. Thus, framing is seen as one of the indicators that are effective in shaping the perception of social reality in the society as well as affect the expression, cognition and behaviour of the public. This study observed the implications of framing to cognition and expression changes of the public. The study which focuses on short-term memory using the example of the positive, neutral as well as negative news frame has two main objectives. The first is to identify the implication of news framing of public safety news which is positive, negative and neutral to changes in cognition of reader. Secondly to identify the implication of news framing of public safety news which are positive, negative and neutral in changing the expression of the reader? The method used in this study is quasi-experimental. The quantitative analysis was done using multivariate analysis. At the end of the study, understanding will be gained on framing that influences the changes of cognition and expression of reader.

Keywords: *Cognition, Expression, Frame, Framing*

PENGENALAN

Walaupun sudah mencecah beberapa dekad lamanya, penggunaan media massa seperti akhbar masih lagi digunakan pada masa sekarang di samping

perkembangan media baru seperti internet. Isu-isu yang didedahkan melalui media pada masa kini terutamanya surat khabar juga masih digunakan untuk mempengaruhi dan memikat pendapat masyarakat. Sejak dahulu lagi surat khabar menjadi pilihan masyarakat antaranya ialah Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times, The Star dan sebagainya. Manakala kemunculan akhbar picisan seperti Harian Metro dan Kosmo yang membincangkan topik-topik hangat menyebabkan akhbar berkenaan menjadi pilihan pembaca pada masa kini. Akhbar mempunyai ciri-ciri media massa menyebabkan ianya masih lagi menjadi pilihan pada masa kini. Penggunaannya sangat popular dan banyak digunakan oleh pengkaji dalam bidang komunikasi (Mohd Asri, 2002).

Antara ciri-ciri yang ada pada akhbar ialah bersifat sehalu, komunikator yang berinstitusi, dapat digandakan iaitu mampu menyebarkan maklumat yang banyak kepada khalayak dan mempunyai mesej-mesej yang tersendiri. Oleh kerana sifatnya yang dapat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap sesetengah isu menyebabkan pengkaji-pengkaji percaya bahawa ia mampu membentuk pendapat umum. Mohd Asri (2002) melihat bentuk dan kandungan berita yang terdapat dalam akhbar sebenarnya merupakan salah satu faktor yang mampu menarik minat pembaca. Walau bagaimanapun, ada kandungan berita pada masa kini yang menggunakan kata-kata kutukan dan hentaman terutamanya dalam isu politik dilihat tidak lagi mampu menarik minat pembaca.

Keupayaan media yang digunakan untuk mempengaruhi minda masyarakat untuk cenderung terhadap sesuatu isu dilihat sebagai mediator yang paling dominan digunakan. Pihak atasan biasanya menggunakan media sebagai mediator untuk menyampaikan informasi seterusnya mempengaruhi minda masyarakat terhadap sesuatu isu. Kebanyakan daripada pembaca sering tertarik kepada suatu isu yang boleh menarik perhatian mereka terutamanya apabila ia berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, apabila media digunakan sebagai salah satu inisiatif ataupun mediator untuk menyampaikan informasi tentang hal di sekeliling mereka, ianya dilihat sangat berkesan dan boleh memberi pengaruh yang besar kepada audiens.

Peranan media sememangnya mempunyai pengaruh yang sangat besar kepada audiens sama ada dalam isu yang disiarkan dalam bentuk negatif ataupun positif. Hasmah dan Yuana (2006) dalam kajiannya menjelaskan bahawa akhbar sebenarnya turut berfungsi sebagai sumber pendidikan dan mempunyai peranan yang cukup luas sama ada berita itu berbentuk positif ataupun negatif. Ini kerana ianya tetap berpengaruh dan mampu meyakinkan orang lain mengikut kehendak mengikut pihak yang mengendalikannya

MEDIA DAN KOGNITIF AUDIENS.

Maklumat atau isu yang dibawa oleh media dalam masa yang sama, merupakan elemen pembujukan yang dibawa oleh media untuk mengubah pendapat mereka terhadap suatu isu yang dirasakan rasional. Terkildsen dan Schnell (1997) menjelaskan masyarakat bergantung kepada media massa untuk mendapatkan

sebarang maklumat politik. Sama ada masyarakat mengakses maklumat berkenaan daripada televisyen, media cetak ataupun radio adalah bergantung kepada keputusan editor mengenai berita apakah yang hendak disiarkan, apakah isu yang penting dan bagaimana isu yang dibahaskan. Tanpa disedarinya apa yang dipaparkan melalui akhbar-akhbar ini adalah suatu yang dibingkaikan dan segala maklumat yang terdapat dalam akhbar boleh membentuk pendapat yang tersendiri terhadap isu. Keadaan ini dikenali sebagai pembingkaian (Chong dan Druckman 2007).

Terdapat banyak definisi pembingkaian yang jelas diperkenalkan oleh para sarjana. Entman (1993) menjelaskan pembingkaian melibatkan satu proses pemilihan dan penonjolan. Bingkai berita akan memilih beberapa aspek yang kelihatan realiti dan menjadikannya lebih menonjol dalam bentuk teks komunikasi, dengan cara menjelaskan beberapa perkara tertentu antaranya ialah, definisi masalah, penyebab masalah, penilaian moral dan juga cadangan penyelesaian masalah. Etnman juga menjelaskan apabila sesuatu kandungan mesej dapat ditonjolkan seterusnya akan meningkatkan kebarangkalian audiens untuk lebih memahami makna dan menyimpannya dalam memori. Hallahan (1999) menyatakan segala kandungan mesej yang terdapat dalam akhbar menyebabkan penonjolan kandungan mesej yang lebih ketara kepada audiens. Keadaan ini seterusnya menyebabkan mesej yang diterima lebih bermakna dan mudah diingati.

Seperti yang dijelaskan oleh sarjana-sarjana di atas, bahawa minda manusia mudah dipengaruhi oleh pemberitaan yang terdapat dalam akhbar. Menurut Flexon dan Guarette (2009) menjelaskan antara faktor yang menyebabkan audiens mudah dipengaruhi ialah faktor kedekatan, iaitu isu-isu yang mempunyai perkaitan dengan persekitaran mereka. Beliau menjelaskan lagi antara isu yang paling menarik perhatian pembaca pada masa kini ialah isu keselamatan awam. Ini kerana keselamatan awam antara isu yang paling dominan dengan mereka berbanding dengan isu lain seperti isu politik. Isu keselamatan awam juga bukanlah suatu isu yang baru diperkatakan malahan sudah lama diperdebatkan bukan sahaja melalui media baru malahan media tradisional seperti surat khabar, radio dan televisyen. Aspek keselamatan awam sebenarnya meliputi aspek yang sangat luas termasuklah dari segi alam sekitar, kemalangan jalan raya dan juga isu jenayah. Tetapi isu yang paling dominan, kerisauan dan perhatian masyarakat pada masa kini adalah isu jenayah.

Perkembangan minda manusia terbahagi kepada kepada dua bahagian utama iaitu Short Term Memory (STM) ataupun ingatan jangka pendek dan juga Long Term Memory (LTM) iaitu ingatan jangka panjang. Ingatan jangka panjang adalah satu perubahan psikologi minda seseorang yang hanya berlaku dalam jangka masa pendek. Ingatan jangka pendek adalah satu perubahan psikologi minda seseorang yang hanya berlaku dalam jangka masa pendek. Ingatan jangka pendek sebenarnya boleh diperkatakan sebagai satu perubahan minda yang aktif dan hanya boleh menerima input dalam kapasiti yang kecil sahaja dan ianya

berlaku dalam keadaan sedar (Cherry, 2009).

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dibuat menyatakan kapasiti ingatan jangka pendek dalam minda individu dalam suatu masa adalah antara tujuh hingga sembilan unit perkataan sahaja. Manakala ingatan jangka panjang pula adalah satu perubahan dalam minda seseorang yang berlaku dalam jangka masa panjang. Ianya merujuk kepada satu bahagian yang ada pada minda dan memori pembaca yang tidak berada dalam keadaan terpaksa dan ianya berlaku tanpa kita sedari. Ingatan jangka pendek juga dikatakan akan menjadi ingatan jangka panjang untuk satu tempoh masa tertentu (Cherry, 2009). Ini disokong oleh Cammarota, Bevilaqua, Rossato, Ramirez, Medina dan Izquierdo (2005), ingatan jangka pendek mempunyai perkaitan dengan ingatan jangka panjang. Selain itu, menurut para sarjana ini juga ingatan jangka pendek sebenarnya mampu bertahan selama 4.5 jam manakala ingatan jangka panjang mampu bertahan selama sebulan.

Ingatan jangka pendek dan jangka panjang manusia ini juga boleh dikaitkan dengan minda pembaca seseorang. Jumlah kekerapan dan kapasiti minda pembaca apabila membaca surat khabar juga boleh mempengaruhi ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang pembaca. Setiap kali audiens membaca akan membawa kepada ingatan jangka panjang, secara tidak langsung ke dalam perubahan minda mereka. Informasi yang dibaca oleh audiens secara tidak langsung akan membawa kepada perubahan kognisi mereka. Jika apa yang dibaca berkesan akhirnya turut mendorong kepada perubahan ekspresi mereka (Scheufele, 1999). Kepelbagaian isu yang terdapat dalam akhbar sebenarnya mampu menarik perhatian terhadap sesuatu isu yang berkaitan. Ramai berpendapat bahawa penggunaan pementakan adalah satu inisiatif yang digunakan oleh media untuk menarik pembaca dalam masa yang sama mengkonstruksi minda pembaca terhadap isu yang menonjol.

Pementakan berita dalam media massa seperti surat khabar boleh memberi kesan dan perkaitan dengan psikologikal minda manusia. Oleh itu, kajian ini akan membawa kepada persoalan kajian, bagaimana sekiranya pembaca didedahkan kepada bingkai berita?. Bagaimanakah kesannya kepada minda pembaca sama ada secara kognisi ataupun ekspresi sekiranya didedahkan dengan bingkai berita yang berbentuk positif, negatif dan neutral? Adakah ia membawa kepada sebarang perubahan ataupun tidak mempunyai sebarang kesan kepada minda pembaca?.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti kesan sebenar yang berlaku kepada skemata pembaca dari segi kognisi dan juga ekspresi ekoran daripada penentuan pementakan isu berita keselamatan awam dalam surat khabar. Secara umumnya kajian ini mempunyai dua tujuan utama. Pertamanya kajian ini memperlihatkan melalui penentuan bingkai berita terhadap isu-isu berita keselamatan awam dalam surat khabar mampu mengubah

kognisi mereka terhadap sesuatu isu. Seterusnya mengenalpasti bentuk bingkai yang boleh mempengaruhi seterusnya mengubah persepsi mereka.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sekiranya berlaku perubahan dari segi ekspresi pembaca apabila didedahkan dengan bingkai berita yang berunsurkan sensetif. Perubahan yang dimaksudkan menurut Boyle et al. (2006) termasuklah pembaca berpeluang untuk bersembang dengan kawan-kawan tentang isu yang dibingkaikan, memberikan sebarang komen tentang isu tersebut ataupun menyertai sebarang perjumpaan ataupun perarakan sebagai sokongan terhadap isu yang ditimbulkan.

Objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan penentuan bingkai berita yang terdapat dalam akhbar-akhbar dengan mengambil contoh isu keselamatan awam. Kajian ini memperlihatkan dari dua aspek utama iaitu dari segi kognisi dan juga kepada perubahan ekspresi pembaca. Antara objektif kajian ini adalah:-

1. Untuk melihat kesan penentuan bingkai berita keselamatan awam yang berbentuk positif, neutral dan negatif dalam akhbar terhadap perubahan kognisi pembaca.
2. Untuk melihat kesan penentuan bingkai berita keselamatan awam yang berbentuk positif, neutral dan negatif dalam akhbar terhadap perubahan ekspresi pembaca.

KAJIAN LITERATUR

Pembingkaian dalam media

Etnman (1993) menjelaskan pembingkaian kebiasaannya melibatkan satu proses pemilihan dan penonjolan. Pembingkaian dijalankan apabila pemilihan sesetengah aspek yang kelihatan realiti dan menjadikannya lebih menonjol dalam bentuk teks komunikasi, dengan tujuan untuk menjelaskan definisi masalah, penyebab kepada masalah, penilaian moral dan juga cadangan penyelesaian. Pembingkaian yang diperkenalkan oleh Entman dalam bidang komunikasi ini banyak digunakan dengan tujuan untuk membingkaikan dominasi pemberitaan United States of America (US) dalam hubungan antarabangsa sejak kebelakangan ini. Empat pendekatan yang di tekankan oleh Etnman ialah definisi masalah, penyebab masalah, penilaian moral dan juga cadangan penyelesaian masalah.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Valkenburg, Semetko dan Vreese (1999) menyatakan pembingkaian sebagai satu skema interpretasi yang membolehkan individu itu untuk menerima, menguruskan dan memberi maklum balas tentang sebarang maklumat yang diterima. Manakala Chong dan Druckman (2007) pula mendefinisikan pembingkaian merupakan teori yang membingkaikan suatu isu, yang boleh dilihat dari pelbagai perspektif dan ditafsirkan yang mempunyai implikasi dan pertimbangan yang tertentu.

Scheufele (2004) menjelaskan bahawa pembingkaian merujuk kepada cara media digunakan untuk mempengaruhi individu dalam menilai dan menginterpretasi isu-isu yang terdapat pada akhbar. Reese (2000) menjelaskan

pembingkai merupakan satu proses untuk menguruskan prinsip-prinsip yang digunakan dalam bentuk simbol dan distrukturkan dalam dunia sosial. Setiap informasi yang ada pada surat khabar berjaya diproses dan digunakan dalam skemata pemikiran manusia. Seterusnya proses ini akan menguruskan informasi yang ada dan mendefinisikannya mengikut makna tersendiri. Tewksbury dan Scheufele (1994) menerangkan bahawa dalam teori pembingkai ada beberapa pendekatan asas tentang teori ini. Antaranya ialah kesan informasi ataupun maklumat, iaitu dengan menggabungkan beberapa karektoristik seperti pertikaian, informasi, simbol metaphor dan imej-imej. Karektoristik ini akhirnya akan membentuk beberapa pakej yang boleh mempengaruhi individu untuk memahami, menginterpretasi dan bertindakbalas dengan masalah atau isu yang timbul.

Keduanya, mereka juga menjelaskan pembingkai turut mengandungi ciri-ciri kesan pembujukan. Pembingkai juga mengandungi elemen pembujukan dan kebiasaannya digunakan untuk penyampaian kandungan mesej-mesej dan kandungan dengan tujuan untuk meyakinkan audiens terhadap sesuatu isu. Kebanyakan pembujukan digunakan dalam isu politik dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan masyarakat terhadap suatu isu. Pembingkai pada asasnya terbahagi kepada dua proses utama iaitu pembinaan bingkai (*frame building*) dan juga kesan penentuan bingkai (*frame setting*).

Berdasarkan konsep pembingkai yang dijelaskan oleh para sarjana ini, menunjukkan bahawa pembingkai berita sebenarnya merangkumi beberapa aspek psikologikal, media massa dan elemen pembujukan. Gabungan ini seterusnya menjurus kepada pembentukan sesuatu keputusan dan pendapat daripada kumpulan masyarakat.

Pembinaan Bingkai (Frame Building)

Pembinaan bingkai merujuk kepada bagaimana dan cara kandungan mesej berita dicipta dan diproses. Beberapa faktor boleh dikaitkan dengan pembinaan bingkai ini. Antaranya ialah wartawan, kajian terdahulu mendapati terdapat lima faktor yang mempengaruhi para wartawan untuk membingkai isu yang dipilih iaitu (i) saiz nilai dan norma sesebuah masyarakat (ii) tekanan dalam organisasi (iii) tekanan luaran iaitu kumpulan berkepentingan dan pembuat dasar (iv) rutin-rutin professional dan (v) ideologikal ataupun orientasi politik daripada wartawan (Tewksbury dan Scheufele, 1994).

Seterusnya ialah faktor ahli politik dan ahli korporat, Tewksbury dan Scheufele (1994) menjelaskan faktor lain yang mempengaruhi pembinaan bingkai apabila mereka menerima tekanan daripada golongan elit, termasuklah kumpulan yang berkepentingan, birokrasi kerajaan dan juga aktor politik dan korporat. Kesemua kumpulan ini secara rutinnya mempengaruhi usaha pembinaan bingkai berita. Konteks budaya juga mempengaruhi kepada pembinaan bingkai berita, seperti yang dibincangkan sebelum ini oleh sarjana sosiologi Goffman beranggapan bahawa pembingkai mempunyai maksud yang tersirat dengan akar umbi

budaya. Bingkai-bingkai berita juga digunakan untuk menggambarkan beberapa peristiwa dan bukan sahaja melalui mesej berita.

Penentuan Bingkai (Frame Setting)

Kajian yang dilakukan melalui kesan media ini menurut Zimbardo, Weber dan Johnson (2000) memberikan kesan secara mikro dan makro. Pada tahap mikro, teori kesan media digunakan untuk meramal dan menjelaskan bagaimana individu (kebanyakan daripada mereka) boleh dipengaruhi oleh mesej. Pada asasnya penentuan bingkai ini lebih meneliti kepada aspek kognitif dan afektif. Secara umumnya kajian penentuan bingkai ini melibatkan bagaimana kebolehpercayaan proses pbingkai didedahkan kepada audiens. Seterusnya andaian berkenaan melalui perbincangan, dan kesannya akan memberi pemahaman kepada kesan bingkai.

Pembinaan bingkai dan penentuan bingkai juga mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Beberapa sarjana menegaskan bahawa pembinaan bingkai dan penentuan bingkai pada dasarnya adalah satu proses yang sama. Pembinaan bingkai adalah satu teori yang melihat kepada penonjolan isu yang terdapat dalam media manakala penentuan bingkai pula merujuk kepada penonjolan sifat atau simbol yang terdapat pada media (Schfeule, 1999). Penentuan bingkai secara umumnya memperlihatkan kesan media secara individual dan secara tidak langsung memberi kesan keseluruhannya kepada kumpulan masyarakat. Menurut Vishwanath (2008) pula, penentuan bingkai berlaku apabila seseorang individu (penerima) menggunakan kandungan berita yang dimanipulasi sebagai satu rangka kerja untuk menjadikannya suatu isu. Kesan pbingkai berita wujud melalui satu proses psikologikal oleh individu secara sedar dan sengaja untuk memikirkan kepentingan hubungan mengikut pertimbangan yang berbeza berdasarkan kepada pbingkai berita. Bermula dengan perubahan kognitif membawa kesan kepada perubahan pendapat dan seterusnya akan memberi kesan kepada perubahan tindak balas audiens. Situasi ini disokong oleh Boyle, Schmierbach, Armstrong, Cho, McCluskey, McLeod dan Shah (2006) dalam kajiannya menjelaskan bagaimana melalui penentuan bingkai sebenarnya memberi kesan kepada kognisi dan perubahan ekspresi pembaca.

Perkaitan pbingkai dengan kognisi pembaca.

Pemberitaan yang dibawa oleh media melalui pbingkai sebenarnya mempengaruhi minda, pemikiran dan seterusnya membawa perubahan kepada tingkah laku pembaca. Proses yang berlaku antara penentuan bingkai dengan perubahan minda pembaca ini dikenali sebagai proses kognisi. Zimbardo, Weber dan Johnson (2000) melihat kognisi merupakan perubahan yang berlaku dalam minda manusia dan berkait rapat dengan proses psikologi. Beliau melihat melalui proses kognisi yang berlaku dalam minda manusia berhubungan dengan memori atau daya ingatan pembaca. Para sarjana psikologi melihat

proses kognisi manusia ini mempunyai persamaan dengan sistem yang terdapat pada komputer, menjelaskan bahawa sistem kognisi manusia ini sebenarnya mempunyai tiga sistem utama iaitu pengekodan, penyimpanan dan mendapatkan semula maklumat.

Melalui proses kognisi psikologikal ini mempunyai perhubungan yang sangat rapat dengan pemprosesan maklumat dan pembuatan keputusan. Brewer, Graf dan Willnat (2003) menyatakan bahawa memori minda manusia mengandungi satu konsep rangkaian terancang (nodus) yang disambungkan melalui lorong-lorong tertentu. Nodus memori ataupun buku memori manusia boleh diakses sama ada secara lebih atau kurang, ataupun dengan penjelasan yang lebih mudah memori manusia boleh menjadi kuat dan lemah. Minda pembaca mudah tertarik dengan suatu isu yang dipaparkan melalui surat khabar terutamanya dengan isu yang mempunyai faktor kedekatan dengan pembaca.

Kajian yang dijalankan oleh Boyle et al. (2006) membuktikan pbingkaian mempunyai kesan yang sangat penting kepada kognisi iaitu sebagai satu proses untuk mentafsir, mempelajari, memahami sesuatu dan penilaian terhadap sesuatu isu berita. Kognisi hanya merupakan sebahagian daripada proses yang berlaku sebelum pembuatan keputusan dibuat.

Bagaimana audiens memberi ekspresi melalui pbingkaian?

Ekspresi pula merupakan salah satu proses yang berkait rapat dan mempunyai kesinambungan dengan proses kognisi pembaca. Ingatan manusia secara asasnya memberi ransangan dengan memasuki pancaindera dan menukarkannya kepada bentuk yang lebih bermakna. Seterusnya setiap maklumat yang diterima ini akan disimpan, diakses dan digunakan untuk oleh minda manusia (Zimbardo, Weber dan Johnson 2000). Ini kerana setiap proses yang berlaku dalam sistem kognisi pembaca seterusnya akan membawa kepada perubahan ekspresi pembaca.

Ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya penentuan bingkai berita mempengaruhi untuk membentuk minda dan pendapat masyarakat. Malah keadaan ini telah dibuktikan oleh kajian Scheufele (2004) yang menjelaskan bahawa audiens berkecenderungan untuk bertindak positif sekiranya didedahkan dengan bingkai berita yang berbentuk positif. Keadaan yang sebaliknya juga berlaku sekiranya audiens didedahkan dengan berita yang berbentuk negatif akan mendorong audiens untuk bertindak negatif. Boyle et al. (2006) dalam kajiannya, antara ekspresi yang boleh dilakukan oleh audiens akibat daripada kesan penentuan bingkai berita. Antaranya ialah berkomunikasi ataupun berbual dengan kawan-kawan, menulis surat kepada editor, majalah ataupun akhbar ataupun menghadiri perjumpaan awam.

Keselamatan Awam dan Pbingkaian.


Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2006) menjelaskan keselamatan awam merujuk kepada suatu isu yang sangat luas dengan meliputi soal alam sekitar, kebersihan,

jenayah dan sebagainya. Walau bagaimanapun melalui kajian yang dijalankan ini merujuk kepada isu jenayah. Akhbar seperti Utusan Malaysia dan Sin Chew Daily banyak melaporkan isu-isu jenayah yang berlaku di negara kita. Ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Faridah, Chang dan Kuik (2012), laporan akhbar sememangnya banyak melaporkan tentang isu-isu keselamatan awam. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini menunjukkan kedua-dua akhbar Melayu dan Cina banyak melaporkan isu-isu jenayah kerana penerimaan pembaca terhadap isu seumpama ini.

Media dijadikan sebagai salah satu medium untuk menyampaikan dan menyebarkan tentang isu-isu jenayah yang berlaku di Malaysia pada masa kini. Flexon dan Guarett (2009), mempunyai pendapat yang sama yang mana beliau menegaskan penggunaan media berdasarkan kepada program anti jenayah berkesan apabila ianya memaparkan isu yang berbentuk positif dan pada masa yang sama dapat membentuk tingkah laku yang positif kepada audiens yang terdedah. Manakala Mbionwu (2009) menjelaskan isu-isu jenayah dengan berita yang disiarkan melalui merupakan satu kombinasi yang tidak boleh dipisahkan. Ini kerana semakin banyak jenayah yang berlaku secara tidak langsung akan disiarkan di muka hadapan surat khabar utama

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan hasil kajian yang konklusif, kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kuantitatif iaitu kuasi eksperimen. Ini kerana untuk melihat kesan kepada pembaca ekoran penentuan bingkai berita dalam akhbar. Kajian yang dijalankan melibatkan pelajar yang mengambil subjek Pengurusan Maklumat, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang boleh bertutur dan membaca dalam Bahasa Malaysia. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kuasi eksperimen iaitu reka bentuk eksperimen yang berbentuk pra dan pasca. Reka bentuk kajian yang dibentuk berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Boyle et al. (2006). Pendekatan kaedah kuasi eksperimen sesuai digunakan untuk melihat sebab dan musabab sesuatu kejadian. Berikut adalah rangka eksperimen bagi kajian yang dijalankan :



Rajah 1 : Reka bentuk kuasi eksperimen

Eksperimen yang melibatkan pelajar UKM ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu A dan B. Ujian dijalankan sebanyak dua pusingan, di mana pada pusingan pertama sebanyak 127 peserta yang terlibat dan 52 pada pusingan kedua. Walau bagaimanapun hanya 50 orang peserta yang hadir pada semua peringkat dan merupakan jumlah yang diterima sebagai peserta bagi eksperimen ini. Pada peringkat pra ujian responden diberikan satu set soalan untuk mengetahui tahap kognisi dan pengetahuan mereka terhadap isu-isu keselamatan awam. Kumpulan pertama dikenali sebagai kumpulan rawatan dan didedahkan dengan bingkai positif. Manakala kumpulan kedua dikenali sebagai kumpulan kawalan, kumpulan ini didedahkan dengan bingkai neutral. Seterusnya pada jangka masa kedua pula, kumpulan kawalan didedahkan dengan bingkai neutral manakala kumpulan rawatan didedahkan dengan bingkai negatif.

Dalam kajian yang dijalankan ini, terdapat tiga jenis bingkai berita yang digunakan iaitu bingkai positif (pro frame), bingkai negatif (anti frame) dan juga bingkai neutral (neutral frame). Bingkai berita positif yang digunakan dalam kajian ini mengandungi imej positif berkaitan dengan kerajaan dan parti yang memerintah. Bingkai negatif pula memaparkan imej negatif tentang pihak kerajaan dan parti yang memerintah. Manakala bingkai neutral pula tidak mengandungi sebarang imej negatif mahupun imej positif kerajaan dan parti yang memerintah sebaliknya hanya berkaitan dengan isu jenayah dan mangsa jenayah sahaja. Bingkai berita kajian ini di ambil daripada surat khabar Utusan Malaysia dan Berita Harian 2011.

Sebanyak 14 soalan dibentuk untuk mengukur tahap kognisi audiens melalui eksperimen yang dijalankan ini. Ujian kebolehpercayaan bagi soalan yang digunakan ini juga telah dijalankan. Dan nilai pekali Cronbach's Alpha yang diperolehi adalah 0.762. Melalui nilai yang diperolehi menunjukkan soalan ini boleh digunakan dalam kajian ini. Antara beberapa soalan yang digunakan ialah

- Negara kita masih lagi selamat pada masa kini
- Ahli pemimpin negara ini mengambil kira tentang keselamatan awam di negara ini
- Pihak polis melaksanakan tugas mereka dengan baik dalam menjaga keselamatan awam rakyat.
- Keselamatan awam patut menjadi satu agenda utama dalam pembangunan negara.

Selain itu, sebanyak enam soalan digunakan bagi mengukur tahap ekspresi pembaca melalui eksperimen yang dijalankan ini. Ujian Cronbach's Alpha juga turut dijalankan dengan nilai pekali sebanyak 0.744. Menurut Chua Yan Piau (2009) sekiranya nilai pekali kurang daripada 0.6 menunjukkan soalan berkenaan tidak dapat digunakan. Antara soalan yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- Tahap pengetahuan sumber berita ini boleh dipercayai
- Saya akan bercakap dengan kawan dan keluarga mengenai isu yang diperkatakan.

- Saya akan menyuarakan pendapat saya mengenai isu tersebut dengan orang lain.

HASIL KAJIAN

Sebagai hasil kepada kajian ini, sebanyak 50 data diperolehi daripada kedua-dua pusingan yang dijalankan. Walau bagaimanapun untuk analisis deskriptif, data yang digunakan hanyalah 50 orang kerana data yang dipilih adalah yang hadir untuk kedua-dua pusingan ujian. Majoriti pelajar yang terlibat dalam kuasi eksperimen ini adalah terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 39 orang mewakili 78 peratus, dan diikuti pelajar lelaki iaitu sebanyak 11 orang mewakili 22 peratus.

Berdasarkan kepada senarai jadual di atas, menunjukkan kebanyakan daripada responden yang terlibat dan dipilih untuk kuasi eksperimen ini adalah yang berumur 22 tahun iaitu sebanyak 38 orang pelajar yang mewakili 76 peratus, pelajar yang berumur 21 tahun sebanyak 8 orang yang mewakili 16 peratus, pelajar yang berumur 20 tahun iaitu seramai 6 orang yang mewakili 12 peratus. Pelajar yang berumur 24 tahun sebanyak 2 orang mewakili 4 peratus. Seterusnya responden yang berumur 19, 25 dan 28 tahun seramai 1 orang dan masing-masing mewakili sebanyak 2 peratus.

Penggunaan bahasa pengantar yang digunakan responden di sekolah rendah menunjukkan hampir sebahagian besar responden menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar semasa di sekolah rendah iaitu sebanyak 36 orang pelajar yang mewakili 72 peratus diikuti dengan Bahasa Mandarin 10 orang sebanyak 20 peratus. Dan lain-lain bahasa iaitu seramai 2 orang pelajar yang mewakili 4 peratus. Seterusnya ialah Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris masing-masing 1 orang pelajar yang mewakili 2 peratus.

Berdasarkan kepada jadual yang telah di atas menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden sememangnya membaca suratkhabar. Dari segi kekerapan mereka membaca suratkhabar, seramai 17 orang pelajar yang mewakili 34.0 peratus yang membaca suratkhabar sebanyak 3 kali seminggu, diikuti pelajar yang membaca suratkhabar 2 kali seminggu iaitu seramai 11 orang (22 peratus). Seterusnya ialah pelajar yang membaca suratkhabar sebanyak 4 kali seminggu iaitu seramai 8 orang (16 peratus). Sekali seminggu seramai 5 orang pelajar (10 peratus), 5 kali seminggu seramai 3 orang (6 peratus), 7 kali seminggu seramai 4 orang pelajar (8 peratus), dan akhir sekali pelajar yang tidak membaca suratkhabar langsung seramai 1 orang (2 peratus). Walau bagaimanapun terdapat seorang orang responden yang tidak menjawab soalan ini menjadikan jumlah keseluruhan yang menjawab soalan ini ialah 49 orang.

Kebanyakan daripada mereka memilih suratkhabar sebagai sumber maklumat utama mereka iaitu seramai 19 orang (38 peratus), diikuti oleh lain-lain sumber yang memilih internet sebagai sumber maklumat utama iaitu seramai 15 orang (30 peratus), yang memilih televisyen seramai 13 orang (26 peratus) dan akhir sekali radio seramai 3 orang iaitu mewakili 6 peratus. Manakala nilai min yang

ditunjukkan bagi umur responden ialah $M=21.16$ ($S.D=1.315$). Nilai min bagi kekerapan membaca surat khabar pula ialah $M=4.12$ ($S.D=1.603$). Manakala nilai min bagi kekerapan membaca surat khabar pula ialah $M=3.99$ ($S.D=1.454$). Ini menunjukkan jumlah kekerapan responden membaca surat khabar ialah sebanyak 3 hingga 4 kali seminggu.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Jantina			
Lelaki	11	22	
Perempuan	39	78	
Umur			
19	1	2	
20	6	12	
21	8	16	21.16
22	38	76	(1.315)
24	2	4	
25	1	2	
28	1	2	
Bahasa Pengantar			
Melayu	36	72	
Mandarin	10	20	
Tamil	1	2	
Inggeris	1	2	
Lain-lain	2	4	
Kekerapan Membaca			
0	1	2	
1	5	10	
2	11	22	4.12
3	17	34	(1.603)
4	8	16	
5	3	6	
7	4	8	
Media massa utama			
Surat khabar	19	38	
Radio	3	6	

Televisyen	13	26
Lain-lain	15	3

(Nota: nilai dalam kurungan mewakili nilai sisihan piawai)

Seterusnya ujian analisis multivariat (MANOVA) digunakan bagi menguji hipotesis utama dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan di bawah. Hipotesis-hipotesis dalam kajian ini ialah:

H1: Terdapat kesan antara penentuan bingkai berita positif dan neutral terhadap perubahan kognisi pembaca

H2: Terdapat kesan antara penentuan bingkai berita positif dan neutral terhadap perubahan ekspresi pembaca

H3: Terdapat kesan antara penentuan bingkai berita neutral dan negatif terhadap perubahan kognisi pembaca

H4: Terdapat kesan antara penentuan bingkai berita neutral dan negatif terhadap perubahan ekspresi pembaca.

Pada pusingan pertama responden didedahkan dengan bingkai positif dan neutral. Berdasarkan kepada jadual Box's Test Of Equality Of Covariance Matrices menunjukkan keputusan yang tidak signifikan ($p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa data tidak memerosong daripada syarat kesamaan kovarians iaitu dalam sampel-sampel kajian bagi pembolehubah bersandar merentasi pembolehubah bebas. Data memenuhi syarat ujian MANOVA.

Untuk mengkaji hasil keseluruhan dalam kajian ini, ujian analisis variat multivariat digunakan untuk mengenalpasti perbezaan signifikan antara kesan bingkai positif dan neutral terhadap perubahan kognisi dan ekspresi pembaca. Secara keseluruhannya keputusan ujian multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa ada hubungan yang signifikan antara kesan bingkai positif dan neutral terhadap perubahan kognisi pembaca [$F(1,48)=5.161, p < 0.05$]. Berdasarkan kepada keputusan analisis kajian ini menjelaskan hipotesis kajian diterima kerana bingkai positif dan neutral sememangnya mempengaruhi kognisi pembaca.

Analisis kajian MANOVA dilaksanakan ke atas pembolehubah bersandar secara keseluruhan menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan secara signifikan antara bingkai positif dan neutral dari segi perubahan ekspresi [$F(1,48)=3.307, p > 0.05$]. Hipotesis kajian ditolak kerana tidak terdapat hubungan antara bingkai positif dan neutral dengan perubahan ekspresi. Manakala terdapat perbezaan secara signifikan antara bingkai positif dan neutral dengan perubahan kognisi pembaca [$F(1,48)=5.161, p < 0.05$].

Jadual 2: Ujian Perbezaan Dalam Subjek

		SS	df	MS	F	p
Kognisi	T1	0.75	1	0.75	5.161	0.028
	Ralat	7.108	48	0.146		
Ekspresi	T1	0.65	1	0.65	3.307	0.075
	Ralat	9.526	48	0.146		

Manakala untuk jangka masa kedua pula, responden didedahkan dengan bingkai neutral dan negatif. Berdasarkan analisis yang ditunjukkan melalui Box Test Of Equality Of Covariance Matrices menunjukkan keputusan yang tidak signifikan ($p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa data tidak memesong daripada syarat kesamaan kovarians iaitu dalam sampel kajian varians bagi pembolehubah bersandar merentasi pembolehubah bebas adalah sama. Data kajian memenuhi syarat ujian MANOVA. Ujian analisis variat multivariat (MANOVA) digunakan untuk mengenalpasti perbezaan signifikan antara kesan bingkai neutral dan negatif terhadap perubahan kognisi dan ekspresi pembaca. Secara keseluruhannya keputusan ujian multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara bingkai neutral dan negatif terhadap perubahan kognisi pembaca [$F(1,48)=0.833, p > 0.05$]. Berdasarkan kepada keputusan analisis pengkaji menolak hipotesis kajian ini kerana kedua-dua bingkai tidak mempunyai kesan kepada perubahan kognisi pembaca.

Analisis ujian MANOVA dilaksanakan ke atas pembolehubah-pembolehubah bersandar secara keseluruhan dan menunjukkan bahawa sememangnya tidak mempunyai perbezaan yang signifikan antara kedua-dua bingkai terhadap perubahan kognisi [$F(1,48)=0.833, p > 0.05$ dan juga perubahan ekspresi pembaca [$F(1,48)=0.200, p > 0.05$].

Jadual 3: Ujian Perbezaan Dalam Subjek

		SS	df	MS	F	p
Kognisi	T2	0.170	1	0.170	0.833	0.366
	Ralat	9.733	48	0.204		
Ekspresi	T2	0.059	1	0.059	0.200	0.656
	Ralat	14.023	48	0.292		

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Melalui kajian yang dilakukan ini, hasil kajian yang diperolehi dapat memahami bahawa sebenarnya pemberitaan yang berbentuk positif lebih memberi

kesan kepada pembaca dari segi kognisinya berbanding dengan pemberitaan yang berbentuk negatif. Sebagai contoh, kebanyakan akhbar pada hari ini berkecenderungan menggunakan berita negatif dalam menarik minat pembaca dan dalam masa yang sama untuk membentuk kognisi dan pendapat umum ke arah satu keputusan.

Walhal perkara yang sebaliknya berlaku melalui kajian yang telah dilakukan ini membuktikan bahawa bingkai negatif sebenarnya tidak mendatangkan sebarang perubahan kepada kognisi dan perubahan ekspresi pembaca sebaliknya bingkai positif sebenarnya yang boleh digunakan untuk mengubah kognisi dan ekspresi pembaca itu. Situasi ini telah dibuktikan oleh banyak sarjana yang menggunakan pendekatan pembingkaiannya antaranya ialah Cobb (2005) yang menggunakan pembingkaiannya bagi memperkenalkan nanoteknologi kepada masyarakat dan kepentingan penggunaannya kepada mereka. Pengkaji menggunakan pembingkaiannya untuk melihat kognisi dan pengetahuan mereka terhadap isu nanoteknologi dan dalam masa yang sama dapat meluaskan tentang isu nanoteknologi ke peringkat yang lebih tinggi di masa akan datang. Impaknya, masyarakat akan lebih mengetahui tentang kepentingan isu nanoteknologi dan boleh diperkembangkan ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang kajian nanoteknologi.

Selain itu, kajian seumpama ini, dapat membuktikan bahawa kepentingan teori pembingkaiannya untuk mengenalpasti kesan kepada masyarakat. Pendekatan teori pembingkaiannya sememangnya digunakan untuk mengkaji sesuatu kesan dari pelbagai aspek. Dalam masa yang sama juga teori pembingkaiannya juga boleh digunakan untuk membentuk pendapat umum masyarakat dan dalam masa yang sama mampu mengubah persepsi sesebuah masyarakat itu sendiri. Kewujudan teori pembingkaiannya seperti yang digunakan dalam kajian ini membantu membentuk pendapat umum sesebuah masyarakat. Apabila pihak kerajaan ataupun pihak media memperkenalkan sesuatu dasar ataupun menyentuh suatu isu adalah satu perkara yang penting untuk mendapat sokongan masyarakat. Oleh itu, selaras dengan perkembangan sistem pemerintahan demokrasi yang di amalkan di Malaysia khususnya sokongan daripada masyarakat merupakan salah satu elemen daripadanya. Media massa juga sering dikaitkan dengan pendapat umum.

ABOUT THE AUTHORS

Julia Wirza Mohd Zawawi is currently a PhD candidate at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chang Peng Kee, Ph.D. is a Associate Professor at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Anon.2006.Kualiti hidup Malaysia.http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/MQL199_1.Foreword.pdf (19 Jun 2012).
- Boyle, M.P., Schmierbach, M, Amstrong, C.L., Cho,J., McCluskey,. M, McLeod. D & Shah, D.V. 2006. Expressive responses to news stories about extremist group: a framing experiment. *Journal of Communication* 56: 271-288.
- Brewer, P.R., Graf, J.& Willnat, L. 2003. Priming or framing, media influence an attitudes towards foreign countries. *The International Journal for Communication Studies* 65(6): 493-508.
- Cammarota, M., Bevilaqua. L.R., Rossato. J.I., Ramirez.M., Medina, J.H. & Izquierdo, I. 2005. Relationship between short and long term memory and short and long term extinction. *Neurobiology of Learning and Memory* 84: 25-32.
- Cherry, K. 2009. What is short term memory. <http://psychology.about.com/od/memory/f/short-term-memory.htm> (22 Jun 2012).
- Chong,D. & Druckman. J.M. 2007. Framing public opinion in competitive democracies. *American Political Science Review* 101(4):637-655.
- Chua Yan Piaw. 2009. Kaedah dan statistik penyelidikan, statistik penyelidikan lanjutan ujian univariat dan multivariate : Buku Keempat. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Cobb.M.D. 2005. Framing effects on public opinion about nanotechnology. *Science Communications* 27(2): 221-239.
- Druckman, J.M. 2001. On the limits of framing effects: who can frame?. *The Journal of Politics* 63(4): 1041-1066.
- Entman, R.M. 1993. Framing: Towards clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication* 43(4): 51-58.
- Faridah Ibrahim, Chang Peng Kee, & Kuik Cheng Chwee. 2012. Ethnic media and nation building in Malaysia: Issues, perceptions and challenge. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Flexon, J.M., & Guarete.R.T. 2009. Differential effects of an offender-focused crime prevention media campaign. *Journal of Criminal Justice* 37: 608-616.
- Hallahan, K. 1999. Seven model of framing: implication for public relations. *Journal of Public Relations Research* 11(3): 205-242.
- Hasmah Zanuddin & Yuana King. 2006. Peranan akhbar dan maklum balas sosial: Berita jenayah akhbar Harian Metro. Dlm. Hamed Mohd Adnan & Rahman Shaari(pnyt). *Media di Malaysia, Mendukung Citra Bangsa*, hlm. 108-115. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mbionwu, L.E. 2009. Media frames: The impact of public opinion on the death penalty. Dlm. Bing, R.L. (pnyt). *Race, Crime And The Media*, hlm. 153-178. London: Sage publication Ltd.

- Mohd Asri Mohamad. 2002. Pengaruh golongan elit pemerintah dalam pemaparan berita-berita etnik. analisis kandungan terhadap pelaporan berita akhbar utusan malaysia dan berita harian sejurus sebelum dan selepas pilihanraya umum ke-10 malaysia. Tesis Dari Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia.
- Reese, S. D. 2001. Framing public life: A bridging model for media research. Dlm S. D. Reese, O. H. Gandy, & A. E. Grant (Eds.). Framing public life: Perspectives on media and our understanding of the social world, hlm 8-30. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Scheufele, D. 1999. Framing as a theory of media effects. *Journal of Communication*. 15: 103- 120.
- Scheufele, B. 2004. Framing-effects approach: a theoretical and methodological critique. *Communication Journal* 29: 401-428.
- Tewksbury, D., & Scheufele. 2000. News framing theory and research. Dlm. Bryant, J., & Oliver, M.B(ed). *Media Effects, Advances Theory and Research*, hlm. 17-30. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Terkildsen, N., & Schnell, F. 1997. How media frames move public opinion: An analysis of the women's movement. *Political Research Quarterly* 50(4):879-900.
- Valkenburg, M., Semetko, H.A., & Vreese, C.H. 1999. The effect of news frames on readers thoughts and recall. *Communication Research* 26(5): 550-569.
- Vishwanath, A. 2008. From belief importance to intention: the impact of framing on technology adoption. *Communication Monograph* 76(2):177-206.
- Zimbardo, P.G., Weber, A.L., & Johnson, R.L. 2000. *Psychology Core Concepts*. Boston: Ally and Bacon.

*This article is part of research from UKM research grant code UKM-GGPM-CMNB-127-2010.